



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

HARGA MINIMUM NPI MADANI BERMULA RM100, TIGA HARI LAGI SEBELUM TAMAT BIDAAN

PUTRAJAYA, 20 Oktober 2024 – Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia menawarkan bidaan Nombor Pendaftaran Istimewa (NPI) Siri MADANI dengan harga minimum bermula RM100 bagi menyemarakkan lagi semangat dan penghayatan Malaysia MADANI melalui nombor pendaftaran kenderaan masing-masing.

NPI Siri MADANI telah dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri yang diserahkan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia semasa Majlis Perasmian Program Madani Rakyat 2024 Sayangi Sabah di Kompleks Sukan Likas, Kota Kinabalu, Sabah.

NPI Siri MADANI merupakan inisiatif kerajaan dalam menyokong agenda MADANI Malaysia secara tidak langsung mempromosikan nilai madani yang menjadi cerminan jiwa dan aspirasi negara dalam setiap langkah kehidupan rakyat Malaysia.

Tawaran bidaan NPI Siri MADANI telah dibuka bermula 19 Oktober 2024 dan akan ditutup 23 Oktober 2024, jam 10.00 malam melalui Sistem JPJeBid. Keputusan bidaan NPI Siri MADANI akan dikeluarkan pada 24 Oktober 2024 dan nombor pendaftaran yang berjaya dibida mestilah didaftarkan dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh surat keputusan bidaan rasmi dikeluarkan.

Kaedah penawaran secara bidaan ini adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat sedia ada yang telah ditetapkan melalui Sistem JPJeBid. Harga bidaan dalam JPJeBid adalah mengikut harga minima yang telah ditetapkan seperti ketetapan berikut:

Kategori	Harga Bidaan Minima Bermula
Nombor Utama	RM 20,000.00
Nombor Premium	RM 5,000.00
Nombor Menarik	RM 2,500.00
Nombor Popular	RM 500.00
Nombor Semasa	RM 100.00

Hasil penjualan NPI ini juga merupakan salah satu langkah untuk merealisasikan hasrat Kerajaan dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) seperti Program MyLESEN, Program Pertukaran Topi Keledar, FlySISWA, Pembayaran PERKESO kepada pemandu teksi dan pelbagai inisiatif yang lain.

Orang awam dialu-alukan untuk bersama-sama menyokong hasrat Kerajaan melalui penyertaan bidaan NPI dan seterusnya pemilikan nombor pendaftaran kenderaan Siri MADANI.

**KETUA PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA**

20 OKTOBER 2024

[TAMAT]

NOMBOR PENDAFTARAN ISTIMEWA SIRI MADANI

MALAYSIA MADANI

HARGA BIDAAN MINIMUM BERMULA RM100

NOTIS AWAM NOMBOR PENDAFTARAN ISTIMEWA SIRI MADANI

Tarikh Buka : 19 Oktober 2024 (Sabtu)
Tarikh Tutup : 23 Oktober 2024 (Rabu)
(10.00 Malam)

Tarikh Keputusan : 24 Oktober 2024 (Khamis)

Untuk membida sila layari : <https://jpjebid.jpj.gov.my>

Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

[f](#) [x](#) [@](#) [v](#) [d](#) [www.jpj.gov.my](#)

Aplikasi JPJeBid Boleh Dimuat Turun Di:
GET IT ON Google Play Available on the App Store